# BAB KETIGA

## WAQAF, IBTIDA', ISTI'ADHAH BASMALAH DAN BACAAN CONTOH

## AB 3 Wakaf Ibtidā, Isti^cadhah, Basmalah Dan Contoh-contoh Qirā'at Tujuh.

### 'asal Pertama.

### 1. Pengertian Wakaf.

Dalam istilah ilmu tajwid wakaf ialah memutuskan suara dari bacaan dengan bernafas dan niat akan menyambung semula jarak yang lama atau melepasakan nafas di hujung perkataan tertentu dalam satu tempoh masa . Para sahabat Rasulullah S.A.W. mempelajari tempat tempat wakaf dan ibtida' sebagaimana mereka mempelajari Al-Qur'ān itu sendiri.

Para Salaf dan Khalaf sangat mengambil berat tentang wakaf dan ibtida demi untuk memelihara bacaan Al-Qur'ān Al-Karim daripada berlaku salah pengertian dan tafsirannya . Mereka menjadikan kata-kata Saidina Ali ( Karrama Allah Wajhah ) ( Tajwid Al-Huruf Wama^crifat Al Wakf ) itu sebagai hujah , wajib mempelajari ilmu Al-Wakf Wa al ibtidā'. (137)

Manakala ibn Al-Anbāriy pula mengatakan

( من تمام معرفة القرآن معرفة الوقوف والابتداء ، ) (138)

Ertinya : Antara kesempurnaan membaca Al-Qur'ān ialah mengetahui tentang wakaf dan Ibtidā'. Ini kerana seorang itu tidak dapat memahami makna Al-Qur'ān dan maksudnya tanpa mengetahui wakaf dan Ibtidā' .

---

(137) Lihat Jalaluddin Al-Sayutiyy: Al-Itqān Fī Ulūm Al-Qur'ān Jilid 1 m.s 85.

(138) Lihat Al Ashmuni : Manār Al Huda Fī Bayān Al-Waqf Wa Al-Ibtidā'.

Wakaf ibtida tidak harus berlakunya pada tengah-tengah kalimat.

Di dalam wakaf dan ibtida Imam ᶜĀsim melihat dari segi kesempurnaan ungkapan .Imam Nafieᶜ meraikan hubungan di antara kedua-duanya dengan mengikut penyesuaian Maᶜana sedangkan Imām Abū ᶜAmr lebih suka dan sunat baginya wakaf dan ibtida pada kepala-kepala ayat , berdasarkan hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Ummu Salāmah mafhūmnya bahawa apabila Rasulullah membaca Surah Al Fātihah , baginda mewakafkan pada kepala ayat. (139)

1.1 Sebab-sebab berlakunya wakaf

Secara umumnya wakaf dapat dipecahkan kepada tiga bahagian :

1.1.1 Wakaf Idtirari ( اضطرارى ).

Iaitu qari terpaksa berhenti atau memberhentikan bacaan nya dengan sebab kehabisan nafas , tidak boleh membaca dengan sebab lupa ayat yang sedang dibaca(secara hafalan) atau disebabkan oleh menangis , tidur , mengantuk , atau didatangi oleh keᶜuzuran yang menyebabkan ia tidak boleh meneruskan bacaan. Maka pembaca bolehlah berhenti dimana-mana kalimat walaupun bacaan belum sempurna . Tetapi dia wajib memulakan bacaannya pada tempat sebelum berhenti sekiranya ayat yang boleh dimulakah bacaan atau ayat

---

(139) Lihat Jalaluddin, __Al Itqān__ Jilid 1 m.s 87.

selepas berhenti . Misalnya pembaca terpaksa wakaf pada kata على dalam ayat ختم الله على قلوبهم maka wajiblah dia memulakan kembali dari kata khatama

1.1.2 Wakaf Ikhtiāri ( اختيارى )

Iaitu Qāri sengaja berhenti dengan kamahuan dan pilihan nya. Inilah yang dimaksudkan dengan Maʿrifat al-Waqf iaitu mengetahui tempat-tempat wakaf pada pandangan Saidina Ali Di dalam bahagian yang kedua ini berbagai nama wakaf diberikan oleh para Ulama Al-Qurʾān . Oleh kerana nama nama wakaf ayat bukan tauqīfi (ketentuan) dari Rasulullah S.A.W , maka berlaku perbezaan pendapat Ulama Al-Qurʾān mengenai nama-nama wakaf dan bahagian-bahagiannya.

Ada setengah Ulama mengatakan wakaf ada 5 jenis iaitu: Lāzim ( لازم ), Muṭlaq ( مطلق ), Mujawaz Liwajhi ( مجوز لوجه ), Jāiz ( جائز ) , Murakh khas ḍarurah ( مرخص ضرورة ).

Manakala sebahagian Ulama lain membahagikan kepada 4 bahagian iaitu lāizim, wakaf kāfī , wakaf ḥasan , wakaf qabih . Mereka ialah Abū ʿAmr , Osman bin Saʿīd Aldani dan Imām Al Jazāriyy, oleh yang demikian bahagian kedua ini adalah lebih mashhur. Misalnya berwakaf pada العالمين dalam ayat dalam ayat الحمد لله رب العالمين.

1.1.3 Wakaf Intiẓariy ( إنتظاري )

Ialah wakaf pada kalimat yang dipertikaikan antara boleh dan tidaknya berhenti di situ oleh ulama Qiraat . Maka untuk mengambil perhatian di antara kedua pendirian yang berlainan disengajakan dulu wakaf disana , kemudian dimulakan kembali pada tempat sebelumnya sehingga dengan demikian dapatlah dikumpulkan antara kedua pendirian itu. Misalnya berwakaf pada kalimat الحجارة dalam ayat ...

فاتقوا النار التي وقودها الناس والحجارة ج صلى أعدت للكافرين

Keterangannya:

ج/صلى

Berhubung dengan wakaf bacaan pada kata الحجارة itu,ada dua macam pendirian ulama Al-Qur'an . Ada yang mengatakan boleh wakaf ada pula yang mengatakan lebih baik diteruskan bacaan Pendirian pertama menandakan disitu dengan huruf Jim kecil ( ج ) , manakala pendirian kedua ditanda dengan ( صلى ). Untuk menghargai kedua-dua pendirian itu maka sengaja diwakafkan dahulu bacaan pada kalimat الحجارة itu kemudian diulangi kembali pembacaan dari kalimat التي umpamanya.

.1.4 Wakaf Ikhtibari ( اختباري )

alah wakaf untuk mencuba cara memperlakukan wakaf . Ini
erana mungkin di situ di dapati suatu huruf yang tidak ada
ampaknya , tetapi bila diwakafkan ia harus timbul kembali.
lisalnya berwakaf pada ابني dalam ayat yang berbunyi....
واتل عليهم نبأ ابني ادم بالحق
yang seharusnya dibaca ابنين dengan memakai Nun jika
diwakaf di situ. Maka Nun itu dihilangkan bilamana diterus
kan dengan kalimat ادم . Menurut hukum tajwid berwakafkan
tempat-tempat yang seperti itu tidak dibolehkan tetapi
dibolehkan untuk maksud percubaan . Umpamanya seorang guru
sedang menerangkan kepada muridnya keadaan wakaf ditempat
tempat yang seperti itu bilamana terpaksa lantaran sesak
nafas atau pendeknya atau sebagainya.

2.1 Sharat-Sharat Wakaf.

Terdapat 5 syarat-syarat wakaf iaitu:

2.1.1 Mematikan satu huruf sahaja bagi kata-kata yang terdiri daripada dua huruf yang huruf akhirnya berbaris di atas, di hadapan atau di bawah seperti: لن، لم، ربه

2.1.2 Mematikan huruf terakhir dan memanjangkan suara sebelumnya kerana ia didahului oleh huruf Mad seperti العليم، العزيز dan seumpamanya akan dibunyikan AL ḤALĪM, AL ʿAZĪZ .

2.1.3 Mematikan huruf terakhir dan memendekkan suara sebelumnya kerana didahului oleh bukan huruf Mad tetapi suatu huruf konsonan mati seperti :- ملح ، كبر

milḥ , kibr dan sebagainya.

2.1.4 Membuang satu baris daripada baris dua di atas (tanwin atas) yang terletak di akhir perkataan seperti perkataan ( جَمِيلًا ) di dalam ayat ... وَاهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا

di kala wakaf , bunyi itu dimadkan kadar Mad Tabi^iyy sahaja, tidak lebih dari itu.

2.1.5 Mematikan huruf terakhir yang bertanwin di bawah atau di hadapan seperti: سَلْسَبِيلْ , فَصَبْرٌ جَمِيلْ dikala wakaf.

3. Jenis Wakaf.

Sesungguhnya nama-nama wakaf ini bukanlah تَوْقِيفِي ( ketentuan ) daripada Rasulullah S.A.W dan juga daripada sahabat, bahkan ianya diistilahkan oleh para Ulama . Sebab itulah berlaku perbezaan pada nama-nama wakaf . Namun demikian , perbezaan pada nama tidaklah dikira mempunyai perbezaan yang besar.

Di antara nama-nama wakaf tersebut ialah :

Waqaf Sunnah ( وَقْفُ سُنَّة ), Wakaf Lazim ( وَقْفُ لَازِم ), Wakaf Tam ( وَقْفُ تَام ), Wakaf Kafi ( وَقْفُ كَافِي ), Wakaf Hasan ( وَقْفُ حَسَن ) , Wakaf Jaiz ( وَقْفُ جَائِز ) , Wakaf Mu^anaqah ( وَقْفُ مُعَانَقَة ) dan Wakaf Qabih ( وَقْفُ قَبِيح ).

sini penulis akan memberi huraian mengenai jenis wakaf :-

.1 Wakaf Sunnah وقف سنة

Ia dinamakan juga وقف جبريل atau وقف نبوي atau وقف إتباع . Para Qari berpendapat bahawa wakaf ini adalah at kerana telah di amalkan oleh Jiril A.S serta diikuti a oleh Rasulullah S.A.W yang mana wakaf ini dimasukkan alam jenis wakaf Tam (sempurna).

Dinamakan demikian kerana Rasulullah S.A.W sangat gambil berat dan sentiasa wakaf pada ayat-ayat berkenaan . af Sunnah ini terdapat di sepuluh tempat sahaja di dalam Quran iaitu:

" فاستبقوا الخيرات " -kemudian dimulakan bacaan pada (Al Baqarah:148) ( أين ما تكونوا ).

" قل صدق الله " -kemudian dimulakan bacaan pada (Al Imran:95) ( فاتبعوا ).

" فاستبقوا الخيرات " -kemudian dimulakan bacaan pada (Al Maidah:48) ( إلى الله ).

" ما ليس لي بحق " -kemudian dimulakan bacaan pada (Al Maidah:116) ( إن كنت قلته ).

" قل هذه سبيلي أدعوا إلى الله " --kemudian dimulakan bacaan pada ( -Yusuf:108) ( على بصيرة ).

" كذلك يضرب الله الأمثال " -kemudian dimulakan bacaan pada (Al Ra'd :17) ( للذين استجابوا ).

7. " والانعام خلقها " -kemudian dimulakan bacaan pada
(Al-Naihl :6) ( لكم فيها دفء ).

8. " أفمن كان مؤمنا كمن كان فاسقا " -kemudian dimulakan bacaan pada
(Al Sajdah:18) ( لا يستوون ).

9. " ثم أدبر يسعى فحشر " -kemudian dimulakan bacaan pada
(Al-Nazi'āt :23) ( فنادى ).

10. " خير من ألف شهر " -kemudian dimulakan bacaan pada
(Al Qadr:3) ( تنزل الملائكة ).

Al Sheikh Ahmad Abdul Karim Al Ashmuni telah menyebut 10 tempat wakaf sunnah sebagaimana yang tersebut di atas. Ia dalam kitabnya ' منار الهدى في بيان الوقف والابتداء '. daripada Al Sheikh Al Sakhawi . Manakala sebahagian Ulama Al-Quran yang lain menambah pada sembilan tempat lagi iaitu: (140)

1. " أن أنذر الناس " -kemudian dimulakan bacaan pada
(Yunus:3) ( وبشر الذين آمنوا ).

2. " إن العزة لله " -kemudian dimulakan bacaan pada
(Yunus:65) ( ولا يحزنك قولهم ).

3. " إنما يعلمه بشر " -kemudian dimulakan bacaan pada
(Al-Naml :103) ( لسان الذى ).

---

(140) Lihat __Manār Al Huda Fī Al Waqf& Wa Al-Ibtidā'__ m.s 8 .

" يابني لاتشرك بالله " -kemudian dimulakan bacaan pada

(Luqman:13) ( إن الشرك لظلم عظيم ).

" انهم اصحاب النار " -kemudian dimulakan bacaan pada

(Ghāfir:7) ( الذين ).

" من كل امر " -kemudian dimulakan bacaan pada

(Al-Qadr:5) ( سلام ).

" فسبح بحمد ربك واستغفره " -kemudian dimulakan bacaan pada

(Al-Nasr:5) ( انه كان توابا ).

" والراسخون في العلم " -kemudian dimulakan bacaan pada

( ) ( وما يعلم تأويله الا الله ).

" فأصبح من النادمين من اجل ذلك " -kemudian dimulakan bacaan pada

(Al-Māidah:32) ( كتبنا على بني اسرائيل ).

### 3.1.2 WAKAF LAZIM ( وقف لازم ).

Iaitu wakaf di atas mana-mana kalimat yang sekiranya diwasalkan dengan kalimat yang kemudian daripadanya akan mengelirukan makna dan berkemungkinan besar akan mengubah maknanya.

Misalnya.... لقد سمع الله قول الذين قالوا إن الله فقير ونحن أغنياء ...... سنكتب ما قالوا (آل عمران : ١٨١)

Wakaf pada kalimat أغنياء itu lazim kerana kalau diwasalkan dengan ungkapan سنكتب ما قالوا , akan membawa pengertian bahawa سنكتب ما قالوا itu adalah kata-kata Yahudi. Sedangkan ayat kemudian itu ialah ayat isti naf (mula semula) yang memberi amaran keras kepada Yahudi di atas dosa kata-kata mereka. Jadi سنكتب ما قالوا hingga akhir ayat itu adalah kata-kata Allah.

ولا يحزنك قولهم ... إن العزة لله جميعا Dalam Surah Yunus:65

Sekiranya pembaca berhenti pada قولهم ia akan memahamkan pendengar bahawa makna ayat ialah Allah melarang Nabi Muhammad S.A.W daripada berduka cita di atas kata-kata orang Mushrikin , kerana ianya tidak sesuai dengan kedudukan yang tinggi di sisi Allah. Juga pendengar akan memahami bahawa Firman Allah إن العزة لله جميعا adalah kata Allah yang menjelaskan mengenai kedudukan yang mulia dan agung . Adapun sekiranya qari mewasalkan قولهم dengan إن العزة لله جميعا , maka pendengar mungkin akan memahami bahawa إن العزة لله جميعا adalah kata-kata orang kafir. Ini adalah silap.

Wakaf Lazim bisanya menggunakan lambang ( مـ ) yakni wajib.Jadi berhenti (wakaf) pada قولهم adalah bertujuan untuk menghasilkan makna yang soheh dan menolak berlaku nya makna yang merosakkan.

Contoh berikut ia wakaf pada kalimat ولد pada ayat 17 Surah Annisa' سبحانه ان يكون له ولد . Wakaf pada kalimat ولد adalah Lazim. Kalau disambung dengan ayat kemudiannya ( له ما في السموات وما في الارض ) akan meragukan dan mengelirukan kerana ayat ( له ما في السموات وما في الارض ) adalah ayat isti naf.

### 3.1.3 WAKAF TAM ( تام ).

Iaitu wakaf di atas mana-mana kalimat yang tidak ada hubungan dengan kalimat kemudiannya samada dari pada segi lafaz atau makna. Kebanyakan wakaf itu berlaku di akhir ayat atau surah ketika selesai satu-satu kisah atau hukum . Misalnya بل الظالمون في ضلال مبين ( Surah Lokman 11) dan ولقد آتينا لقمان الحكمة ان اشكر لله (Surah Lokman 12).

Wakaf ini adalah tam ( sempurna ) , kerana tidak ada mengena ayat dahulu dengan ayat kemudian dari sudut lafaz atau makna . Dari segi lafaz ialah kerana ( و ) dalam ayat berikut tersebut ialah isti'nāf, bukan Waw hal atau Waw ʿataf , jadi ayat berikut ialah jumlah isti'nāf yang tidak ada hubungan dengan ayat yang dahulu.

Dari segi makna juga tidak ada hubungan di antara kedua duanya kerana penutup ayat sebelumnya menerangkan hukuman kepada orang zalim mushrikin iaitu mareka adalah jauh dari pada kebenaran sedangkan ayat kemudian menceritakan kisah Lokman memberi nasihat dan wasiat kepada anaknya.

**3.1 Beberapa Alamat Yang Menunjukkan Wakaf Tam.**

A) Ayat berikut dimulakan dengan pertanyaan.

Misalnya:

الله يحكم يوم القيامة فيما كانوا فيه يختلفون *

ألم تعلم ان الله يعلم ما في السموات والارض

( الحج : ٦٩ )

B) Ayat berikut dimulakan dengan seruan.

Misalnya:

إن الله على كل شيء قدير *

يا أيها الناس اعبدوا ربكم

( بقرة : ٢٠ )

C) Ayat berikut dimulakn dengan kata kerja suruhan.

Misalnya.

ذلك ذكرى للذاكرين *

واصبر فإن الله لا يضيع أجر المحسنين

D) Ayat berikut dimulakan dengan partikel sharat .

Misalnya:

لَيْسَ بِأَمَانِيِّكُمْ وَلَا أَمَانِيِّ أَهْلِ الْكِتَابِ *
مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَ بِهِ

(النساء: 123)

E) Ayat ini dimulakn dengan penafian atau larangan.

Misalnya:

وإن الذين اختلفوا في الكتاب لفي شقاق بعيد *
لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ

(البقرة : 177)

Misalnya:

والله عنده حُسْنُ الثَّوَابِ *
لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ الذين كفروا في البلاد

(آل عمران: 195)

F) Pemisahan di antara dua sifat yang berlawanan di dalam satu ayat. Misalnya:

هٰذَا هُدًى * والذين كفروا بآيات رَبِّهِم

(جاثية: 11)

Biasanya wakaf ini menggunakan simbulnya قلى ، ط ، ت :

### 3.1.4 WAKAF KAFI ( كافى )

Iaitu wakaf di atas mana-mana kalimat yang tidak ada hubungan lafaz dengan ayat kemudiannya , tetapi masih berhubung dari segi makna seperti wakaf pada

إِنَّ الَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِن وَرَاءِ الْحُجُرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ *

وَلَوْ أَنَّهُمْ صَبَرُوا حَتَّىٰ تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ

(الحجرات : ٤)

Dinamakan wakaf Kafi , kerana permulaan ayat selepasnya itu وَلَوْ أَنَّهُمْ tidak ada hubungan dengan ayat sebelum nya dari segi lafaz bahkan dikira ayat مُسْتَأْنِفَة , tetapi dari segi makna ada hubungan dengan ayat sebelum nya . Ayat-ayat ini menerangkan kedudukan Rasulullah S.A.W yang tinggi di sisi Allah mengesa umat Islam supaya sentiasa menghormati dan menjaga adab semasa bercakap dengan Baginda . Memandangkan ertanya hubungan di antara ayat-ayat ini dari segi maknanya maka wakaf di tempat sedemikian dinamakan wakaf Kafi yang cukup menurut aturan tatabahasa tetapi masih ada pertalian maknanya dengan ayat yang sesudahnya atau kisahnya belum habis.

Misal yang lain seperti berwakaf pada يوقنون dalam ayat وبالآخرة هم يوقنون atau wakaf pada kata الظالمين dalam ayat ولا تقربا هذه الشجرة فتكونا من الظالمين . Kerana sesudah kata يوقنون masih ada keterangan ayat yang sehubungannya iaitu ayat أولئك على هدى من ربهم ... الخ begitu juga sesudah الظالمين kata masih ada hubungan. Kisahnya yang berbunyi: فأزلهما الشيطان ...

4.1 Beberapa alamat yang menunjukkan wakaf Kafi :

1. Ayat berikut dimulakan dengan mubtada'.

   Misalnya: وما الله بغافل عما تعملون * أولئك الذين اشتروا الحياة الدنيا بالآخرة

   ( بقره : 85 )

2. Ayat berikut dimulakan dengan kata kerja Isti'nāf. Misalnya:

   أو عدل ذلك صياما ليذوق وبال أمره * عفا الله عما سلف

   ( المائدة: 95 )

3. Ayat berikut dimulakan dengan penyambut (maf'ūl) bagi kata kerja yang digugurkan. Misalnya:

ولكن أكثر الناس لا يعلمون * منيبين إليه واتقوه . (الروم : ٣١)

4. Ayat berikut dimulakan dengan penafian atau pertanyaan. Misalnya:

فأعقبهم نفاقا في قلوبهم إلى يوم يلقونه بما أخلفوا الله ما وعدوه وبما كانوا يكذبون * ألم يعلموا أن الله يعلم سرهم ونجواهم . (التوبة : ٧٧)

5. Ayat berikut dimulakan dengan partikel nafi In ( إِنْ ) Misalnya:

أمّن هذا الذى هو جند لكم ينصركم من دون الرحمن * إن الكافرون إلا فى غرور (الملك : ٢٥)

Atau partikel Bal ( بل )

Misalnya:

وقالوا قلوبنا غلف * بل لعنهم الله بكفرهم (البقرة : ٨٨)

Atau partikel Lam Mukhaffafah ( لا مخففة ). Misalnya:

حتى عاد كالعرجون القديم * لا الشمس ينبغي لها
أن تدرك القمر (يس : 39)

Atau partikel سوف ، سين yang menunjukkan amaran buruk ( وعيد ). Misalnya:

أشهدوا خلقهم * ستكتب شهادتهم ويسألون
(الزخرف ، 19)

Wakaf ini biasanya menggunakan simbol.

صلى ، ج ، ك

3.1.5 Wakaf Hasan ( حسن ).

Iaitu menghentikan bacaan pada kalimat-kalimat tertentu yang masih ada hubungan dengan kalimat kalimat kemudian daripadanya dari segi lafaz atau makna samada ianya menjadi sifat bagi kalimat sebelumnya atau badal atau hal atau pengukuhan atau lainnya.

Contohnya: الحمد لله رب العالمين * الرحمن الرحيم .

Ia dinamakan wakaf Hasan kerana bila bacaan diwakafkan pada tempat itu, maksudnya jelas dan sesuai berhenti . Tetapi memulakan bacaan pada lafaz kemudiannya adalah perkara khilaf di kalangan ulama tajwid.

Sekiranya diwakafkan bacaan pada akhir ayat maka baik dimulakan pada ayat kemudiannya , tetapi berlainan pada pertengahan ayat. Inilah pendapat sesetengah ulama antaranya Al Imam Al Sayutiyytentang alamat wakaf Hasàn.

### 3.1.6 Wakaf Jā'iz ( جائز ).

Iaitu memberhentikan bacaan pada suatu tempat yang tidak merosakkan maknanya . Hukumnya harus dan pembaca boleh memilih samada mewakafkan bacaan atau meneruskan bacaannya. Contohnya wakaf pada ayat وما انزل من قبلك

kemudian dimulakan dengan ayat وبالآخرة هم يوقنون.

Dinamakan wakaf Jā'iz kerana persamaan hukum bacaan samada dari segi wakaf atau meneruskan bacaannya.

Contoh kedua wakaf pada ayat يسومونكم سوء العذاب yang kemudian dimulakan dengan ayat يذبحون ابناءكم ويستحيون نساءكم

( البقرة : ٤٩ )

Wakaf ini biasanya menggunakan simbul ( ج )

3.1.7 Wakaf Muᶜanaqah ( معانقة ) atau Wakaf Muraqabah ( مراقبة ).

Iaitu memberhentikan bacaan pada salah satu kalimat dalam satu ayat dengan sharat bila berhenti pada kalimat pertama, maka tidak harus berhenti pada kalimat kedua . Begitu juga jika berhenti pada kalimat kedua , maka tidak harus berhenti pada kalimat pertama.

Misalnya: ذلك الكتاب لا ريب فيه هدى للمتقين . Dua kalimat yang harus diwakafkan ialah ريب dan فيه .

3.1.8 Wakaf Qabih ( قبيح ).

Iaitu wakaf pada kalimat yang tidak elok dan tidak sepatutnya diwakafkan . Ianya seperti wakaf pada perkataan yang tidak difahami pengertiannya kerana tergantung maksud atau perngertiannya bergantung kepada yang menyusulnya atau wakaf pada subjek dan mulakan dengan prediket. Termasuk di dalam wakaf قبيح , wakaf pada satu kalimat yang boleh merosakkan makna atau mengubah hukum sharaᶜ seperti wakaf pada kalimat ولأبويه di dalam ayat berikut:

وإن كانت واحدة فلها النصف ولأبويه *

( النساء : ١١ )

Sebenarnya wakaf ini memberi makna kedua ibu bapa mendapat separuh harta pusaka seperti anak tunggal. Ini adalah salah pada hukum sharaᶜ .

Contoh yang lain ialah pada والموتى pada ayat(36: Al An'am)

انما يستجيب الذين يسمعون والموتى *

Menyambung bacaan يسمعون dengan والموتى dan berhenti di situ dikira wakaf قبيح kerana sepatutnya berhenti pada يسمعون dan memulakan pada والموتى Ini disebabkan huruf wau itu bagi tujuan isti'nāf dan ayat selepas wau menerangkan keadaan orang kafir dan balasan Allah kepada mereka di Akhirat.

Wakaf Qabih biasanya menggunakan simbol ( لا ).

B.1 Bentuk-bentuk Wakaf Qabih

1.Wakaf pada kalimat yang tidak difahami maksud ayatnya seperti

بسم - الحمد - يوم

2.Wakaf pada kalimat yang boleh menimbulkan kesamaran maksud atau waham yang tidak dikehendaki Allah S.W.T seperti :

انما يستجيب الذين يسمعون والموتى * يبعثهم الله *

(36: انعام)

3.Wakaf pada kalimat yang mengelirukan makna dan menyalahi apa yang dikehendaki Allah seperti:

يايها الذين آمنوا لا تقربوا الصلاة * وأنتم سكارى

(42 : النساء)

4. Wakaf pada kalimat yang mengelirukan makna yang tidak layak bagi Allah atau menyalahi akidahnya seperti:

إن الله لا يستحيي * أن يضرب مثلا ما بعوضة فما فوقها (البقرة: 26)

إن الله لا يهدي * القوم الظالمين (الأحقاف: 15)

فبهت الذي كفر والله * لا يهدي القوم الظالمين (البقرة: 258)

5. Wakaf pada nafi yang datang selepasnya ithbat seperti :

لا إله * إلا الله (محمد: 19)

وما أرسلناك * إلا مبشرا ونذيرا (الإسراء: 105)

وما خلقت الجن والإنس * إلا ليعبدون (الذاريات: 56)

6. Wakaf Ta assut iaitu mewakafkan pada tempat yang tidak wajar diwakafkan yang mana boleh menimbulkan kekeliruan Biasanya dilakukan oleh setengah pembaca secara wakaf berpura-pura atau buat-buat atau wakaf sengaja ditakwil kan oleh setengah mereka mengikut hawa nafsu sendiri.

وَارْحَمْنَا أَنْتَ * مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا (البقرة: 286)

وَمَا تَشَاؤُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ * اللهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ (تكوير: 29)

4. Wakaf Atas Huruf.

Tidak harus mewakafkan bacaan atas huruf daripada kalimat-kalimat melainkan pada huruf akhirnya . Misalnya

فَأَسْقَيْنَاكُمُوهُ (الحجر: 22)

alah satu kalimat tidak harus wakafkan padanya melainkan atas huruf ha' (      ) yang terletak diakhir kalimat . nikian juga pada kalimat-kalimat yang berikut :-

أَنُلْزِمُكُمُوهَا (هود : 28)

لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ (نور : 55)

apun kalimat وَيْكَأَنَّ dalam surah (82: القصص) , riwayat fas mengiranya sebagai satu kalimat dan tidak harus wakafkan melainkan pada huruf akhir . Hanya Dūrī yang ngharuskan wakaf di atas huruf Kaf ( كْ ) pada kalimat 82 وَيْكَأَنَّهُ dibaca وَيْكْ ketika wakaf.

ri juga mengharuskan wakaf di atas huruf Ya ( ى ) dari limat كَأَيِّنْ . Ianya dibaca كَأَىْ . Ia juga mengharuskan kaf di atas مَا sahaja sebagaimana di dalam contoh rikut:

فَمَالِ هَٰذَا الرَّسُولِ (الفرقان : 7)

مَالِ هَٰذَا الْكِتَابِ (كهف : 49)

فَمَالِ هَٰؤُلَاءِ الْقَوْمِ (النساء : 78)

فَمَالِ الَّذِينَ كَفَرُوا (المعارج : 16)

akaf atas أَيُّهَ dengan اليف . Duri membaca أَيُّهَا ketika wakaf ermasuk contoh berikut :-

يَا أَيُّهَ السَّاحِرُ (الزخرف : 49)

أَيُّهَ الثَّقَلَانِ (الرحمن : 31)

edangkan para Qurra' selainya wakaf dengan Sukun Ha'(141)

---

) Lihat Ibn Mujāhid : **Kitab Al-Sab'ah Fī Al-Qirāat** m.s 455

Wakaf Di Atas Huruf 'illat ( عِلَّة ).

Ada beberapa kategori bagi wakaf begini iaitu :-

1. Alif yang memang wujud pada akhir kalimat , biasanya selepas Wau jama' ( واو الجماعة ) ditambah Alif ( ditulis Alif tapi tidak dibaca) melainkan 4 tempat sahaja di dalam Al-Qur'an yang Alifnya tidak ditulis dan tidak dibacanya :

Contohnya di dalam Al-Qur'an seperti berikut :

- فَإِن فَاءُو ( البقرة : 226)
- وَعَتَوْ عُتُوًّا ( الفرقان 21 )
- وَالَّذِينَ سَعَوْ فِى ( سباء 5 )
- وَالَّذِينَ تَبَوَّءُو ( الحشر 9 )

2. Alif termaktub pada akhir kalimat yang tetap pada lafaznya ketika wakaf dan gugur ketika wasal.

Buktinya dapat dilihat pada beberapa kalimat di dalam Al-Qur'an antaranya :-

- فَإِن كَانَتَا اثْنَتَيْنِ ( النساء : 176 )

  dibaca فَإِن كَانَتَثْنَتَيْنِ

- فَلَمَّا ذَاقَا الشَّجَرَة ( اعراف 22 )

  dibaca فَلَمَّا ذَاقَشَّجَرَة

- تِلْكُمَا الشَّجَرَة ( اعراف : 22 )

  dibaca تِلْكُمَشَّجَرَة

- اِسْتَبَقَا الْبَابَ (يوسف 25)

dibaca اِسْتَبَقَلْبَابَ

- كِلْتَا الْجَنَّتَيْنِ (الكهف 33)

dibaca كِلْتَلْجَنَّتَيْنِ

- وَقَالَا الْحَمْدُ لِلَّهِ (النمل 15)

dibaca وَقَالَلْحَمْدُ لِلَّهِ

- وَقِيلَ ادْخُلَا النَّارَ (تحريم 10)

dibaca وَقِيلَدْخُلَنَّارَ

3. Alif bagi gantinama ana ( أنا ).

Contohnya: (ص 76) قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ

Menggugurkan sebutan alif ketika wasal dengan kemudian dikekalkan baris fathah huruf Nun dan dikekalkan sebutan alif أنا ketika wakaf adalah bacaan semua qari . Adapun Qalun dan Warash mereka menggugurkan sebutan alif pada " أنا " apabila disusuli selepasnya oleh selain daripada huruf hamzah dan mengekalkan sebutan alif أنا apabila datang selepasnya Hamzah.

Contohnya: (الأنعام 163) وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ .

Cara bacaan disini adalah tertakluk kepada hukum bacaan Mad masing-masing iaitu Mad Jaiz Munfasil.

4. Terdapat enam kalimat yang Alifnya tidak disebut ketika wasal dan disebut ketika wakaf iaitu :-

(38 : الكهف ) اليف، لكنا هو الله

dibaca لكنّهو الله ketika wasal

dibaca لكنّا ketika wakaf

(10 : احزاب ) اليف، الظنونا، وتظنون بالله الظنونا هنالك ..

dibaca الظنونَ هنالك ketika wasal

dibaca الظنونا ketika wakaf

(66 : احزاب ) اليف، الرسولا، وأطعنا الرسولا * وقالوا

dibaca الرسولَ وقالوا ketika wasal

dibaca الرسولا ketika wakaf

(6 احزاب ) اليف، سلسبيلا، فأضلونا السبيلا * ربنا

dibaca فأضلونا السبيلَ ربنا ketika wasal

dibaca فأضلونا السبيلا ketika wakaf

Mengikut Qiraat Nafi' Al-Madaniy dari dua muridnya Qalun dan Warash sesungguhnya alif pada الظنونا، السبيلا، الرسولا، tetap wujud ketika wakaf dan wasal (142).

---

(142) Lihat Dr.Mohd Salam Muhaisin. Al Muhdhdhab Fi Qiraat Al Ashr Juz.1 M.S 142

الیف، سَلَٰسِلَا « إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ سَلَاسِلَا وَأَغْلَالًا وَسَعِيرًا (انسان : 4)

- Hafas membaca Salasila Wa Aghlālaw Wasa*ira dan membaca Salāsil atau salāsilā ketika wakaf. (143)
- Qālūn dan Warash membaca Salasilaw Wa Aghlalaw Wasa*īra -ketika wakaf dibaca Salāsilā.
- Duri membaca Salāsila Wa Aghlālā tanpa tanwin dan baca Salāsilā ketika wakaf. (144)

الیف، قَوَارِيرَا « كَانَتْ قَوَارِيرَا ۞ قَوَارِيرَ مِن فِضَّةٍ (انسان : 15)

- Hafas dan Duri membaca Kānat Qawārīra Min Fiḍḍah ketika wasal . Ketika wakaf pada qawarira pertama dikekalkan Alif Kānat Qawārīrā.
  Ketika wakaf pada Qawarir yang kedua berbunyi Kānat Qawārīra Qawārīr.
- Qalun dan Warash membaca tanwin Qawāwīra pertama dan kedua ketika wasal dan wakaf dengan alif.
- jadi Kānat Qawārīrang Qawārirām Mīm Fiḍḍah . (145)

---

3) Lihat Dr. Muhaisin : Al Irshād Al Jaliah Fī al qirāat Al Sabie m.s 404

4) Lihat Dr.Ab.Fattah: Kitab Al tadhkirah Fī Qirāat Juz.1 m.s 745.

5) Lihat Dr.Abdul Fattah : Kitab Al Tadhkirah Fī Al Qiraat m.s 745

5. Wakaf Atas تاء Dan هاء .

Di dalam struktur bunyi Al-Quran bentuk هاء yang wujud pada akhir kalimat menunjukkan مؤنث pada salah satu dua keadaan :

تاء المربوطة .

تاء المفتوحة .

Kedua-dua keadaan itu dibaca dengan تاء متحركة (berbaris) ketika wasal . Adapun ketika wakaf dibaca keduanya mengikut resam Othmani di dalam Al-Quran.

- Jika ditulis هاء dibaca هاء ساكنة ( berbaris sukun )
  seperti: ان الصلاة تنهى عن الفحشاء والمنكر
  ( عنكبوت : 45 )

- Dibaca ketika wasal انّ الصّلاة تنهى.

- Jika ditulis dengan ت dibaca تاء iaitu ساكنة ketika wakaf seperti ( واقعة : 89 ) جنّت نعيم dibaca جنّت.

Duri mewakafkan semua تاء التأنيث dengan ها sama ada ditulis dengan تاء مربوطة atau تاء مفتوحة melainkan dienam tempat sahaja di dalam Al-Quran yang ia mewakafkan dengan ( ت ) تاء مفتوحة kerana penyesuaian bagi rasam Al Quran. (146)

اللات ( النجم : 19 )

مرضات ( البقرة : 207 )

---

6) Lihat Haq Al-tilāwah M.S 96.

ذات بهجة (النمل : 60)

لات حين مناص (ص : 2)

هيهات (مؤمنون : 36)

يا أبت (يوسف : 4)
(يوسف : 100)

كلمت ربك (انعام : 115)

من ثمرات (فصلت : 47)

6. Hā' Kināyah ( هاء كناية )

Iaitu \ ه imbuhan dari struktur kalimat yang berhubung pada akhirnya seperti هاء ganti nama ( ضمير ). Hā' tersebut mempunyai tiga keadaan di dalam Al-Qur'ān.

1) Hā' berbaris di atas dihubungkan dengan alif yang menunjukkan Muanath seperti :-

   تغشاها (اعراف : 189)

   قال فعلتها وانا من الضالين (الشعراء : 20)

   بها - فيها

2) Ha' berbaris dammah iaitu Hā' Damir bagi mudhakkar Ghā'ib.

3) Hā' berbaris kasrah jika didahului kasrah atau Yā' Sakinah. Adapun Ha' Kinayah yang berbaris dammah atau yang berbaris kasrah ianya dibaca dengan sukun ketika wakaf seperti:

   قال له ..... الكهف : 37

) Apabila Ha' berbaris terletak di antara dua huruf yang erbaris maka Ha' berbaris dammah dipanjangkan sebutan aris dammahnya dan Ha' berbaris kasrah dipanjangkan ebutan baris kasrahnya.

.1 Contohnya:( قال لصاحبه وهو يحاوره ) cara tilawahnya

قال لهو صاحبهو وهو يحاوره

.2 Contoh:

( إنه بعباده خبير ) شورى 27

Cara membacanya : ( إنهو بعبادهي خبير ) Dalam menyalahi kaedah asal, tidak memanjangkan kasrah Ha' apabila ha' berada di antara dua huruf berbaris , Hafas dan Warash membaca dengan silah ( صلة ) dalam kadar dua harakat dari contoh satu hingga empat. Jika datang selepasnya ء Hamzah . Warash membaca Ha' itu dengan اشباع (enam harakat), Hafas membaca dengan kadar 4 @ 5 harakat. Manakala Duri membacanya dengan sukun. Ayat-ayat Al-Quran yang menjadi khilaf bacaan Qiraat mereka ialah : (147)

---

7) Lihat kitab **Attadhkirah** Juzu' 2 M.S 586

| حفص | ورش | قالون | دورى | سورة |
|---|---|---|---|---|
| ١- يؤده آليك | يوده آليك | يؤدْ هإليك | يؤدهإليك | ال عمران 75 |
| - لايؤده اليك | لايؤده اليك | لايؤدِ هإليك | لايؤدهإليك | ال عمران 75 |
| ٢- نؤته منها | نؤته منها | نؤ تهِمنها | نؤته منها | ال عمران 145 |
| - نؤته منها | نؤته منها | نؤ تهِمنها | نؤتهِ منها | الشورى 20 |
| ٣- نوله ماتولى | نوله ماتولى | نولهما تولى | نو لهما تولى | النساء 115 |
| ٤- ونصيلة جهنم | ونصله جهنم | ونصلهجهنم | ونصلِق جهنم | النساء 115 |
| ٥- أرجه واخاه | ارجه واخاه | ارجهو اخاه | ارجئهو اخاه | الاعراف 111 |
| - ارجه واخاه | ارجه واخاه | ارجهو اخاه | ارجئهو اخاه | الشعراء 36 |
| ٦- ويتقه فأولك | ويتقهى فأوللنك | ويتقهفأوليك | ويتقه فأوليك | النور 52 |
| ٧- فالقه اليهم | فالقهى اليهم | فالقهإليهم | فالقه اليهم | النمل 28 |
| ٨- يرضه لكم | يرضهُ لكم | يرْضهُ لكم | يرضهو لكم | الزمر 7 |
| ٩- إنسانية | إنسانيه | إنسانيه | إنسانيِة | كهف 63 |
| ١٠- عليهُ الله | عليهِ الله | عليْهُ الله | عليْهُ الله | الفتح 9 |
| ١١- وغلد فيه مهانا | وَغلدُ فيهمُهاما | فيهِمُهانا | فيهمُهانا | فرقان 69 |
| ومن يأته مؤمنا | ومن يأتهِ | ومن يأتهِ | يأتهى مؤمنا | طه 75 |

Apabila mendahului atau mengekori Ha' dammah tanpa Ishbāʿ seperti (197، البقرة) بعلمه الله begitu juga kasrah tanpa Ishbāʿ seperti :- (10 طه ) وإذ قال أهله امكثوا

6. Hamzah Wasal dan Hamzah Qata .

6.1 Hamzah Wasal

Ialah suatu Hamzah yang diwujudkan dikala hendak memulakan bacaan bagi sesuatu perkataan tertentu, tetapi ia tidak wujud di dalam sebutan jika disambungkan dengan bacaan sebelumnya . Hukum Hamzah Wasal terbahagi kepada dua jenis :-

6.1.1 Dibunyikan jika dimulakan dengan bacaan yang putus daripada perkataan sebelumnya . Seperti اغفر dibaca لاغفر (wujudnya pada sebutan).

6.1.2 Tidak dibunyikan jika Hamzah diwasalkan dengan perkataan sebelumnya. Seperti:- (101 اعراف) رب اغفرلي maka cara membacanya ربغفرلي hilangnya pada sebutan.

Hamzah Wasal terdapat pada kata nama , kata kerja dan partikel.Adapun cara-cara untuk membariskan Hamzah Wasal ianya adalah seperti berikut :-

1) Jika pada kata nama ( اسم ) yang ada lam taʿrif maka Hamzahnya dibariskan di atas seperti : Arrasul ( الرسول ) , Alqaimah ( القيامة ), Alhaqqah ( الحاقة ).

2) Hamzah dibariskan di bawah apabila ianya bukan daripada jenis di atas.

) Hamzah berbaris kasrah tersebut terdapat pada 7 kata nama di dalam Al-Quran sekiranya dibaca dengan ibtida'.

1. 87 : البقره - ابن مريم

2. 12 : التحريم - ابنت عمران

27 : القصص - احدى ابنتى

3. 176 : النساء - ان امرؤ هلك

11 : نور - لكل امرئ منهم

28 : مريم - ما كان ابوك امرأ سوء

4. 35 : ال عمران - امرأت عمران

10 : تحريم - امرأت نوح

23 : القصص - امرأتين تذودان

5. 51 : النحل - لا تتخذوا إلهين اثنين

12 : مائدة - اثنى عشر

6. 176 : النساء - فان كانتا اثنتين

60 : البقرة - اثنتا عشرة

7. 45 : ال عمران - باسم « بكلمة منه اسمه

II) Jika Hamzah Wasal masuk pada kata kerja yang huruf ketiganya berbaris di atas atau di bawah maka Hamzah tersebut dibaca dengan baris di bawah misalnya :-

(63 : الشعراء) اِضرب

(12 : الدخان) اِكشف

(88 : يونس) اِطمس

(65 : الفرقان) اِصرف

(36 : غافر) ابن لي صرحا

(39 : طه) اِقذفيه

(153,45 : البقرة) اِستعينوا.

(19 : المجادلة) اِستحوذ

(75 : الاعراف) اِستكبروا

(65 : البقرة) اعتدوا

( 1 : الانبياء) اقترب

(97 : الكهف) استطاعوا
اسطاعوا

III) Jika huruf ketiga berbaris dammah yang bukan asli maka Hamzahnya dibariskan di bawah kerana dipandang pada asalnya (huruf itu berbaris di bawah ). Maka wajar lah ia dibariskan dibawah apabila baca dengan ibtida .

1. اِقضوا asalnya اِقضيوا.
( 71 : يونس)

2. اِمشوا asalnya اِمشيوا.
( 6 : ص )

3. asalnya ايتيوا.
( 64 : طه)

9. إِبْنُوا asalnya إِبْنِيُوا.
إِغْدُوا asalnya إِغْدِيُوا.
إِمْضُوا asalnya إِمْضِيُوا.

IV) Jika huruf ketiga berbaris dammah yang asli maka hendaklah Hamzah dibaca dengan baris dammah seperti :

أُسْجُدُوا ( البقرة : 34 )
أُدْعُ ( البقره : 69 )
أُسْكُنْ ( البقره : 35 )
اشْكُرْ ( لقمان : 14 )
احْشُرُوا ( صافات : 22 )
انْظُرْ ( مائده : 75 )
ارْكُضْ ( ص : 42 )
اخْلُفْنِي ( الاعراف : 142 )
ادْخُلِي ( النمل : 44 )
انْصُرْنِي ( المؤمنون : 26 )
انْفُخُوا ( الكهف : 96 )

Demikian juga bagi kata kerja pasif seperti:

اضْطُرَّ ( البقرة : 173 )
اسْتُهْزِئَ ( الانعام : 10 )
اؤْتُمِنَ ( البقرة : 283 )

Jika dimulakan pada أُوْتُمِنَ maka dibacakan أُوتُمِنَ Utimina ditukar Hamzah kedua kepada واو . Jika dimulakan pada kata ائْتِنَا dan ائْذَنْ لِّي maka hendaklah dibacakan dengan إِيتِنَا dan إِيذَنْ لِّي dibuang Hamzah . Bacaan itu dimadkan Qadar mad Tabi<sup>c</sup>i ketika mana Hamzah wasal . Berhubung dengan huruf berbaris sukun yang ada sebelum Hamzah wasal seperti lafaz nun sakinah dari tanwin yang berada pada hujung kalimat, huruf tersebut dibariskan dengan kasrah dan Hamzah wasal itu gugur dalam sebutan. Contohnya :

Contoh (i) ( 1: الإخلاص ) قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ اللَّهُ الصَّمَدُ

dibaca قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدُنِ اللَّهُ الصَّمَدُ

Contoh (ii) ( 173: البقرة ) فَمَنِ اضْطُرَّ

dibaca فَمَنِضْطُرَّ

Contoh (iii) ( 33 : ق ) مُنِيبٍ ادْخُلُوهَا

dibaca مُنِيبِنِدْخُلُوهَا

Imam Nafi<sup>c</sup> , muridnya Qalun dan Warash membaca فَمَنُ اضْطُرَّ مُنِيبِنُ ادْخُلُوهَا berdasarkan kaedahnya seperti berikut :

- Membariskan Nun sakinah atau Nun tanwin sakinah yang bertemu Hamzah wasal pada kata kerja selepasnya mengikut baris huruf yang ketiga daripada kata kerja tersebut.

Di antara contoh-contoh lain :-

(32 : الرعد) أَنِ اقْتُلُوا

(66 : النساء) أَوِ اخْرُجُوا

(10 : الانعام) وَلَقَدِ اسْتُهْزِئَ

(31 : يوسف) وَقَالَتِ اخْرُجْ

(110 : اسراء) وَقُلِ ادْعُوا اللهَ أَوِ ادْعُوا الرحمن

(14 : لقمان) أَنِ اشْكُرْ لله

(61 : يس) وَأَنِ اعْبُدُونِي

## 6.2 Hamzah Qata[c]

Qata bererti potong , hamzah ini ditetapkan ada tiga keadaan iaitu :

Hamzah pada tulisan,semasa wasal dan ibtida ia terbahagi kepada beberapa bahagian :-

i ) Hamzah kata kerja kata kini contohnya أَفْعُلُ

ii) Hamzah kata kerja kata lampau tiga huruf seperti : أَكَلَ ، اذن - امن

iii) Hamzah kata kerja kata lampau empat huruf seperti : اكرم ، احسن ، اطعم ، افرج ، انفق

Kesemuanya ini dibaca dengan baris fathah kecuali Hamzah kata kerja kata kini empat huruf (samada mujarrad atau mazid) ia dibaca dengan baris dammah seperti: أُؤْمِل

Mengikut pengarang kitab Al Qaul Al Mufīd bahawa Hamzah wasal yang berbaris di bawah adalah digugurkan apabila Hamzah Istifhām mendahuluinya.

Terdapat tujuh tempat di dalam Al-Qurān yang mengandungi keadaan sedemikian :-

قل أتخذتم (80 : البقره)

أطلع الغيب أم اتخذ ... (78 : مريم)

أفترى على الله كذبا أم به جنة (8 : سبا)

أصطفى البنات على البنين (153 : الصفات)

أتخذتم سخريا ... (63 : ص)

أستكبرت أم كنت ... (75 : ص)

سواء عليهم أستغفرت لهم أم .... (6 : المنافقون)

Apabila Hamzah Istifhām mendahului Alif Lam Taᶜrif maka bacaannya dipanjangkan sekadar enam harakat sebagai Mad Lazim kerana berhimpunnya dua huruf berbaris mati atau ditashilkan bacaan dengan bunyi di antara Hamzah dengan Alif.

Terdapat enam kalimat yang disepakati oleh semua Qurra' di dalam Al-Quran :-

قل آلذكرين .... (143 : الانعام)

قل آلذكرين .. (144 : 〃)

قل آلله .... (59 : يونس)

آلآن وقد عصيت .... (51 : 〃)

آلآن وقد كنتم .... (51 : 〃)

آلله خير اما يشركون (59 : النمل)

## 6. Hukum Kallā, Balā dan Naʿam (كلّا ، بلى دان نعم)

### Kallā.

Di dalam Al-Qur'ān Al-Karim perkataan Kallā terdapat sebanyak 33 tempat yang letaknya di dalam 15 surah dan kesemuanya termuat di separuh akhir Al-Qur'ān bersesuaian pula dengan jumlah besar surah-surah ini turunnya di Mekah. Menurut Al-Zarkashiyy bahawa Makkiy bin Abi Ṭālib telah membahagikan kepada empat bahagian:-

1. Harus berhenti dan memulakannya;

   Apabila Kallā memberi erti nafi dan engkar.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | عَهْدًا ﴿٧٨﴾ كَلَّا | (Maryam) | Ayat 78 |
| 2. | لِيَكُونُوا لَهُمْ عِزًّا ﴿٨١﴾ كَلَّا | (Maryam) | Ayat 81 |
| 3. | فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا | (Mukminin) | Ayat 100 |
| 4. | ثُمَّ يُنجِيهِ ﴿١٤﴾ كَلَّا | (Ma'aarij) | Ayat 14 |
| 5. | أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾ كَلَّا | (Mudathir) | Ayat 15 |
| 6. | الْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾ كَلَّا | (Muthoffifin) | Ayat 13 |
| 7. | فَيَقُولُ رَبِّي أَهَانَنِ كَلَّا | (Al-Fajr) | Ayat 16 |
| 8. | أَن يُدْخَلَ جَنَّةَ نَعِيمٍ ﴿٣٨﴾ كَلَّا | (Ma'aarij) | Ayat 38 |
| 9. | يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ ﴿٣﴾ كَلَّا | (Al-Humazah) | Ayat 3 |
| 10. | أَلْحَقْتُم بِهِ شُرَكَاءَ كَلَّا | (Muddathir) | Ayat 53 |
| 11. | أَن يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنَشَّرَةً ﴿٥٢﴾ كَلَّا | (Saba') | Ayat 27 |

2. Tidak harus berhenti tetapi boleh memulakan dengannya ;

Apabila Kalla memberi erti benarlah atau ketahuilah

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | كَلَّا وَالْقَمَرِ | Al-Muddassir | Ayat 32 |
| 2. | كَلَّا إِنَّهُ تَذْكِرَةٌ | Al-Muddassir | Ayat 54 |
| 3. | كَلَّا لَا وَزَرَ | Al-Qiyamah | Ayat 11 |
| 4. | كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ | " | Ayat 20 |
| 5. | كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِيَ | " | Ayat 26 |
| 6. | كَلَّا سَيَعْلَمُونَ | An Naba' | Ayat 4 |
| 7. | كَلَّا إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ | 'Abasa | Ayat 11 |
| 8. | كَلَّا لَمَّا | " | Ayat 23 |
| 9. | كَلَّا بَلْ تُكَذِّبُونَ بِالدِّينِ | Al-Infithar | Ayat 9 |
| 10. | كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْفُجَّارِ لَفِي سِجِّينٍ | Al-Mutaffifin | Ayat 7 |
| 11. | كَلَّا إِنَّهُمْ | " | Ayat 15 |
| 12. | كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْأَبْرَارِ | " | Ayat 18 |
| 13. | كَلَّا إِذَا دُكَّتِ الْأَرْضُ دَكًّا | Al-Fajr | Ayat 21 |
| 14. | كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لَيَطْغَى | Al-'Alaq | Ayat 6 |
| 15. | كَلَّا لَئِنْ لَمْ يَنْتَهِ لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ | " | Ayat 16 |
| 16. | كَلَّا لَا تُطِعْهُ وَاسْجُدْ وَاقْتَرِبْ | " | Ayat 19 |
| 17. | كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ | Al-Takasur | Ayat 3 |
| 18. | كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ | " | Ayat 5 |

3. Tidak harus berhenti dan memulakan :

| | | | |
|---|---|---|---|
| (1) | ثُمَّ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ | An Naba' | Ayat 5 |
| (2) | ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ | Al-Takasur | Ayat 4 |

4. Harus berhenti tetapi tidak boleh memulakan :

(1) قَالَ كَلَّا فَاذْهَبَا Asyu'ara' Ayat 15

(2) قَالَ كَلَّآ إِنَّ مَعِىَ رَبِّى سَيَهْدِينِ " Ayat 62

Menurut Abu Amr Addani bahawa wakaf pada Kalla adalah wakaf Tam di dalam Al-Qur'an sekiranya Kalla memberi maksud nafi atau engkar.

Sekiranya Kalla membayangkan makna benarlah ( حقا ) atau ketahuilah ( ألا ) maka tiada wakaf padanya. (148)

Bala

Bala terdapat sebanyak dua puluh kali dan terkandung dalam enam belas surah . Ianya terbahagi kepada tiga bahagian :

1. Sepuluh tempat diharuskan berhenti padanya kerana merupakan jawapan bagi ayat sebelumnya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| (1) | مَا لَا تَعْلَمُونَ بَلَىٰ | (Baqarah) | Ayat 80 |
| (2) | صَٰدِقِينَ بَلَىٰ | (Baqarah) | Ayat 111 |
| (3) | وَهُمْ يَعْلَمُونَ بَلَىٰ | (Aali 'Imraan) | Ayat 75 |
| (4) | مُنزَلِينَ بَلَىٰ | (Aali'Imraan) | Ayat 124 |
| (5) | قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا | (Al-I'raaf) | Ayat 172 |
| (6) | مِن سُوٓءٍ بَلَىٰ | (Nahl) | Ayat 28 |
| (7) | مِثْلَهُم بَلَىٰ | (Yaasin) | Ayat 81 |
| (8) | قَالُوا بَلَىٰ | (Ghaafir) | Ayat 50 |
| (9) | عَلَىٰٓ أَن يُحْـِۧىَ ٱلْمَوْتَىٰ بَلَىٰٓ | (Ahqaf) | Ayat 33 |
| (10) | لَّن يَحُورَ بَلَىٰٓ | (Insyiqaaq) | Ayat 14 |

148) Lihat Abu Amr Othman bin Said Addani Al Mukhtafa Fi Al Wakf Wa Ibtida m.s 586 M.1987 1407 H

2. Tujuh tempat tidak harus berhenti kerana ada hubungan makna dengan ayat berikut :-

(1) قَالُوا بَلَىٰ وَرَبِّنَا (Al-An'am) Ayat 30

(2) لَا يَبْعَثُ اللَّهُ مَن يَمُوتُ بَلَىٰ (Nahlu) Ayat 38

(3) قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي (Saba') Ayat 3

(4) بَلَىٰ قَدْ جَاءَتْكَ آيَاتِي (Zummar) Ayat 59

(5) بَلَىٰ (Ahqaf) Ayat 34

(6) بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ (Taghabun) Ayat 7

(7) بَلَىٰ قَادِرِينَ (Qiamah) Ayat 4

Menurut Al-Zarkashyy di dalam kitab " Al Burhān Fi Ulum Al-Qurān " , ketujuh-tujuh tempat tersebut dilarang berhenti atau memulakan kerana ayat berikutnya sebagai jawapan.

3. Para Qari tidak bersependapat tentang keharusan berhenti pada lima tempat:

(1) بَلَىٰ وَلَٰكِن لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِي (Baqarah) Ayat 26

(2) بَلَىٰ وَلَٰكِنْ (Zummar) Ayat 71

(3) بَلَىٰ وَرُسُلُنَا (Zukhruf) Ayat 80

(4) بَلَىٰ وَلَٰكِنَّكُمْ (Hadiid) Ayat 14

(5) بَلَىٰ قَدْ جَاءَنَا (Mulk) Ayat 9

Sesungguhnya wakaf pada Balā adalah tergolong wakaf kāfi di dalam Al-Qur'ān.

Apabila Bala di hubungkan selepasnya ayat Qasam (sumpah) ta' harus di wakafkan padanya, hanya terdapat empat tempat sahaja di dalam surah berlainan di dalam Al-Qur'ān . (149)

Pertama : Ayat 30 Surah Al An'ām

Kedua : Ayat 3 Surah Al Saba'

Ketiga : Ayat 34 Surah Al Ahqāt

Keempat : Ayat 7 Surah Attaghābun

**Na'am**

Kata yang bererti Ya ada empat :

1. Harus berhenti pada ( 44: الأعراف ) قَالُوا نَعَمْ . (150)

   (wakaf kafi)

2. Tidak harus berhenti pada ( 114: الأعراف ) قَالَ نَعَمْ

3. Tidak harus berhenti pada ( 42: الشعرا ) قَالَ نَعَمْ

4. Tidak harus berhenti pada ( 18: صافات ) قُلْ نَعَمْ

---

49) Lihat Abū 'Amr Addāniyy, Al Mukhtafa Fi Wakf Wa Al Ibtidā' m.s 167.

Lihat Ibn Nuhās: Al Qatu' m.s 767

50) Lihat Addaniyy, Al Mukhtafa m.s 271

al Kedua: Ibtidā'

arif Al-Ibtidā'

Al Ibtidā' ialah memulakan bacaan sesudah terputus bacaan
alumnya atau berhenti. Adapun selepas terputus bacaan maka
daklah dimulakan dengan استعاذة kemudian بسملة jika
ilakan pada awal surah dan boleh membaca بسملة
a meninggalkannya jika tidak di awal surah.

Jika dimulakan bacaan selepas wakaf maka tidak perlu
baca استعاذة dan بسملة kerana qari masih lagi dalam keadaan
baca Al-Quran dan sekiranya ia sampai pada akhir surah dan
in meneruskan bacaan pada surah berikutnya maka hendaklah
membaca بسملة Ini adalah cara Imām Hafas.

Jika membaca dituntut supaya berhati-hati dalam mewakaf
bacaan.

Pembaca juga dituntut supaya berhati-hati ketika memula
bacaan. Sebagai contoh, cuba kita perhatikan ayat
ikut:

وإذ يقول المنافقون والذين في قلوبهم مرض
ما وعدنا الله ورسوله إلا غرورا (الاحزاب ١٢)

a dimulakan bacaan pada lafaz الله maka hukumnya قبيح
itu juga jika dimulakan bacaan pada وعدنا dan ما وعدنا
idā' terbahagi kepada dua jenis :

Ibtidā' Harus.

Ibtidā' tidak harus.

1) Ibtidā' Harus

Harus dimulakan bacaan pada ayat dengan makna yang tidak mengelirukan yang menerangkan makna yang dikehendaki Allah dan tidak menyalahinya . Dengan erti kata lain memulakan bacaan selepas wakaf yang yang dibenarkan khususnya pada kalimat الذى atau الذين yang tersebut di dalam Al Qur'an diharuskan ibtidā' dan diwasalnya , melainkan pada tujuh tempat (151) sahaja wajib dibacakan dengan ibtidā', tidak boleh disambungkan dari ayat sebelumnya.

Antara seperti berikut:-

(١) ولئن اتبعت أهواءهم بعد الذى جاءك من العلم ما لك من الله من ولى ولا نصير *

الذين آتيناهم الكتاب ( البقرة :145)

(٢) ولئن اتبعت أهواءهم بعد الذى جاءك من العلم انك اذا لمن الظالمين *

الذين آتيناهم الكتاب ( البقرة : 145)

(٣) الذين ينفقون أموالهم ........ ولا هم يحزنون *

الذين يأكلون الربا *

( البقرة : 274)

(٤) ... والله لا يهدى القوم الظالمين *

الذين آمنوا وهاجروا ( التوبة : 19)

(٥) ولا يأتونك بمثل إلا جئناك ............ *

الذين يحشرون ( الفرقان : 33)

---

151) Lihat Lataif Al Isyarat Lifunun Al Qiraat Juzu' 1 m.s 261

(٦) وكذلك حقت كلمت ربك ........ أصحاب النار * الذين يحملون العرش (غافر : 6)

(٧) من شر الوسواس الخناس * الذي يوسوس في (الناس : 4)

## 2) Ibtidā' Tidak Harus

Iaitu ibtidā' yang mencacati maksud ayat atau mengubah maknanya. Umpamanya, qari memulakan bacaan dengan menyebut Fe'il sahaja tanpa fā'ilnya, sifat tanpa mausof atau khabar tanpa mubtadā', hal tanpa ṣahibu al hal, dan seumpamanya. Oleh itu tidak harus dimulakan bacaan pada kepala-kepala ayat seperti berikut :-

وقالوا * اتخذ الله ولدا (البقرة : 116)

لقد سمع الله قول الذين قالوا * إن الله فقير ونحن أغنياء (آل عمران : 181)

... وقالت اليهود والنصارى * نحن أبناء الله وأحباؤه (المائدة : 18)

.. وقالت اليهود * يد الله مغلولة (المائدة : 64)

لقد كفر الذين قالوا * إن الله هو المسيح ابن مريم (المائدة : 72)

لقد كفر الذين قالوا * إن الله ثالث ثلاثة (المائدة : 73)

وقالت اليهود * عزير ابن الله (التوبة : 30)

وقالت النصارى * المسيح ابن الله (التوبة : 30)

ومن يقل منهم * اني إله من دونه .. (الانبياء : 29)

..ومالي * لا اعبد الله ...... (يس : 22)

ألا إنهم من إفكهم ليقولون * ولد الله (الصافات : 101)

## Alamat Berhenti dan Sambungan Ayat

Di dalam kitab Al-Quran , selain terdapat tanda-tanda bulat dihujung ayat yang kerap mencatit nombor bagi setiap ayat yang dikira bagi jumlah ayat sebelumnya bagi setiap surah , di sana terdapat pula beberapa tanda bacaan , antara lain ialah :-

( م ) - Ianya simbol bagi perkataan اللازم (Al lazim) yang bererti biasa. Jadi pada tempatnya wajarlah diwakafkan bacaan seperti:

وما يعلم تأويله إلا الله م والراسخون في العلم ....

( 7 : آل عمران )

( لا ) - Ianya daripada kata لا yang bererti tidak , yakni tidak boleh menghentikan bacaan dan ditegahkan daripada wakaf . Contohnya:

الذين تتوفاهم الملائكة طيبين لا يقولون سلام عليكم ادخلوا الجنة .

( 32 : )

( ج ) - Alamat wakaf yang harus. Ianya singkatan daripada kalimat (Al-Jaiz) . Contohnya:

وهو الذى ينزل الغيث من بعد ما قنطوا وينشر رحمته ج وهو الولى الحميد .

( 63 : الشورى )

( صلى ) - Ianya singkatan daripada kata الوصل أولى (Al wasl aula) yang bererti lebih utama disambung jadi meneruskan bacaan adalah lebih baik wakaf. Contohnya:

فاصبر ان وعد الله حق صلى ولا يستخفنك

( 60 : الروم )

( قلى ) - Singkatan daripada ringkasan daripada الوقف اولى ( Al Waqf aula ) yang bermaksud wakaf lebih baik daripada meneruskan bacaan . Seperti:

له مقاليد السموات والارض قلى والذين كفروا بايات الله اولئك هم الخاسرون

( 63 : الزمر )

( س ) - Lambang saktah iaitu berhenti sekejap tanpa nafas. Seperti:

الحمد لله الذى انزل على عبده الكتاب ولم يجعل له عوجا س قيما لينذر بأسا شديدا

( 1: الكهف )

( ) - Tanda berhenti berikat.

Maksudnya : Jika pada tanda ( ⋮ ) pertama telah diwakafkan maka tidak boleh diwakafkan pada tanda ( ⋮ ) yang berikutnya malahan hendaklah terus sambung , sebaliknya jika disambungkan pada tanda pertama maka hendaklah diwakafkan pada tanda ( ⋮ ) kedua.

seperti pada ayat:

الٓمٓ ذَٰلِكَ ٱلْكِتَٰبُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

( 1 : بقرة )

Tanda-tanda wakaf di atas adalah hasil dari rumusan sebuah lembaga penggubal di negara Mesir terhadap beberapa mushaf Al-Qur'an yang terdahulu mengenai penentuan tanda wakaf yang telah menetapkan tujuh lambang sahaja dipilih untuk alamat wakaf sebagai yang tersebut di atas.

**Sujud Tilawah**

Terdapat di dalam riwayat Bukhari bahawa Rasulullah s.a.w apabila baginda membaca surah yang terdapat di dalamnya ayat sajadah maka baginda sujud bersama-sama sahabat.

**Hukum Tilawah**

Imam Hanafi mewajibkan sujud tilawah dan imam-imam lain mengiranya sebagai sunat.

**Sharat-Sharat Sujud Tilawah**

Syaratnya adalah sama seperti sujud semasa menunaikan sembahyang. Iaitu:-

1 - Ada Wudu'

2 - Niat Sujud

3 - Takbirat al ihram.

4 - Sujud seperti dalam sembahyang dengan sekali sujud.

5 - Memberi salam

Bilangan ayat sujud ialah 14 ayat :-

1 - Surah Al ʿArāf : Ayat 206

2 - Surah Al-Isra' : Ayat 107

3 - Surah Maryam : Ayat 57

4 - Surah Al-Haj : Ayat 18 dan 77

5 - Surah Furqan : Ayat 60

6 - Surah Al-Naml : Ayat 25

7 - Surah Al-Sajadah : Ayat 15

8 - Surah Sad : Ayat 26

9 - Surah Fuṣṣilat : Ayat 27

0 - Surah Al-Najm : Ayat 62

1 - Surah Insyiqāq : Ayat 21

2 - Surah Al-Alaq : Ayat 19

3 - Surah Al-Nahl : Ayat 49

afaz Doa Sujud Tilawah adalah sama dengan Sujud Syukur

aitu :-

اللّٰهُمَّ لَكَ سَجَدْتُ وَبِكَ اٰمَنْتُ وَلَكَ اَسْلَمْتُ .

اللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّى سَجَدَ وَجْهِى لِلَّذِى خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ

وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ فَتَبَارَكَ انه اَحْسَنُ الْخَالِقِيْنَ

## Fasal Ketiga : Isti$^{c}$ādhah dan Basmalah.

Sebelum seseorang memulakan bacaan Al-Quran ia sunat membaca Isti$^{c}$ādhah ( استعاذة ) terlebih dahulu berdasarkan firman Allah Taala :-

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksudnya " Apabila hendak membaca Al-Quran hendaklah kamu minta berlindung pada Allah dari shaitan yang direjam . (Surah Al-Nahl : Ayat 98)

Berdasarkan ayat di atas Ibn Khatib di dalam kitab Al Furqan menegaskan bahawa suruhan beristi$^{c}$ādhah ini adalah wajib.

Setengah ulama' Al-Qur'ān berselisihan faham menentukan hukum wajib atau sunat membaca Isti$^{c}$ādhah sebelum memulakan bacaan Al-Qur'ān samada pada awal surah atau ditengahnya.

### 1. Lafaz-lafaz Isti$^{c}$ādhah yang dituntut bagi membaca Al-Qur'ān

#### 1.1 Hukum Membacanya:

Menurut jumhur ulama isti$^{c}$ādhah amat dituntut bila mana seorang hendak memulakan bacaan Al-Qur'ān samada di permulaan atau dipertengahan . Walau bagaimana pun para Ulama Al-Qur'ān tidak sejajar dalam mentafsirkan maksud dituntut itu samada wajib atau sunat.

Sebahagian ulama' berpendapat membaca Isti$^{c}$ādhah di awal Al Qur'ān hukumnya sunat - bukan wajib ini.

berdasarkan Firman Allah Ta ala dalam surah Al Nahl ayat 98 فاذا قرأت القرآن فاستعذ بالله من الشيطان الرجيم .

yang bermaksud : Apabila kamu hendak membaca Al Qur'ān pohonlah perlindungan dengan Allah dari shaitan yang direjam.

Jadi menurut pendapat ini meniggalkan Istiᶜādhah adalah tidak berdosa.

Segolongan alim ulama Al-Qur'ān pula berpendapat membaca istiᶜādhah adalah wajib dipermulaan bacaan Al Qur'ān berdasarkan kepada dalil yang sama dan berdosa bagi sesiapa yang meninggalkan istiᶜādhah . Ibn Sirīn berpendapat wajib membaca istiᶜādhah dan memadai sekali dalam seumur hidup sebagai menggugur wajib (152) . Ibn Al-Khaṭib di dalam kitabnya Al-Furqān menegaskan bahawa suruhan beristiᶜādhah ini adalah wajib.

### 1.2 Lafaz Istiᶜādhah yang dituntut ketika membaca Al-Qur'ān

Menurut Al-Imām Al Daniy istiᶜādhah ini mempunyai beberapa bentuk , walau bagaimana pun bentuk yang dipilih ialah .

---

152) Lihat Lataif Al Ishārāt Juz I M.S 306.
Mohamad bin Sirin Al Ansari Abu Bakr bin Abi Amrah Al Basari, mati pada tahun 110

Di antara bentuk isti<sup></sup>ᶜadhah :

1. أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

Saya minta berlindung dengan Allah dari Shaiṭan yang terkutuk.

2. أعوذ بالله من السميع العليم من الشيطان الرجيم

Saya bermohon perlindungan dengan Allah yang maha mendengar lagi maha mengetahui dari ganguan Shaitan yang terkutuk. Bacaan ini adalah digemari oleh oleh segolongan ulama' silam.

3. أعوذ بالله السميع العليم من الشيطان الرجيم من نفخه ونفثه

Saya memohon perlindungan dengan Allah dari Shaitan yang kena rejam , dari tipuan dan hembusannya .

4. أعوذ بالله القوي من الشيطان الغوي

Saya berlindung dengan Allah yang maha kuasa dari gangguan Shaitan yang sesat.

5. أعوذ بالله العظيم من الشيطان الرجيم

6. أعوذ بالله من الشيطان الرجيم إنه هو السميع البصير

7. السميع العليم " " " " " "

8. أعوذ بالله القدير من الشيطان القدير

Menurut Ibn Al-Khatib tiada batas bagi isti῾adhah sebabnya sesiapa yang hendak menambah dia boleh menambah atau sebaliknya . Namun begitu bacaan isti῾adhah yang pertama adalah lebih utama kerana telah pun disepakati oleh ulama' iaitu :

Cara membacanya dibolehkan dengan suara nyaring jika dibaca di luar sembahyang.

Jika di dalam sembahyang dibaca dengan suara perlahan sahaja.

Jika isti῾adhah itu telah pun dibaca dengan nyaring sewaktu memulakan bacaan oleh orang pertama di dalam majlis membaca Al-Quran secara bergilir-gilir , samada di dalam majlis tadarus atau majlis khatam , maka para pembaca yang kemudian harus membaca secara perlahan. (153)

1.3 <u>Hukum Membaca Basmalah</u> ( بسملة )

Basmalah ialah akronim bagi بسم الله الرحمن الرحيم dan ia adalah sebahagian ayat dari surah Al Fatihah . Para ulama' sependapat mengekalkan Basmalah di awal surah Al-Fatihah , samada menyambungkan surah Al Nas dengan Fatihah atau memulakan dengan surah Al-Fatihah sahaja.

---

153) Lihat <u>Al Budur Al Zahirah</u> m.s 12.

Para ulama' bersepakat bahawa hukum membaca Al Basmalah disetiap awal surah adalah sunat, kecuali di awal surah Al-Taubah hukumnya haram dibaca Basmalah.

Menurut Imam Al Jazariy: في ابتداء السورة كل بسملا * سوى براءة فلا

Maksudnya : Para ulama' Al-Quran sependapat membaca Al Basmalah di awal surah kecuali di awal surah Al Taubah ianya ditegah.

## 1.4 Sebab-Sebab Larangan

1. Al Basmalah tidak di tulis di awal Al-Taubah (atau di kenali dengan Surah Al-Bara'ah) sebaliknya tertulis di awal surah-surah lainnya.

2. Surah Al-Bara'ah diturunkan waktu peperangan dengan kaum mushrikin disebabkan tindakan mereka membatalkan persetiaan dengan Rasulullah S.A.W. Seperti yang ditegaskan oleh Ibn Abas

سألت عليا رضي الله عنه لم لم تكتب البسملة في أول براءة
فقال لان بسم الله امانة وبراءة ليس فيها امانة لانها
نزلت بالسيف . (154)

Bermaksud:-

Aku bertanya Saidina Ali kenapa tidak ditulis di awal surah Bara ah. Jawabnya, kerana Basmalah itu lambang keamanan sedangkan Bara ah tidak berada di dalam aman kerana diturunkan di waktu peperangan .

---

(154) Lihat Muhadhdhab Fi Al Qiraat m.s 33

Namun demikian sebahagian ulama' berpendapat makruh membaca Basmalah di awal surah Al-Bara'ah dan sunat dipertengahan surah.

## 2.1 Hukum Pertalian Bacaan

Pembaca dibolehkan memilih salah satu daripada 4 keadaan iaitu:-

I) قطع الجميع : Membaca wakaf selepas Isti'ādhah dan Basmalah.

II) وصل الجميع : Membaca sambung selepas Isti'ādhah, Basmalah dan surah.

III) وصل البسملة : Membaca Isti'ādhah wakaf kemudian membaca sambung Basmalah dengan surah.

IV) وصل الاستعاذة بالسورة : Membaca Isti'ādhah dan sambung Basmalah dan wakaf . Kemudian terus membaca surah.

Supaya lebih terang , perhatilah kedudukan berikut :

. Berhenti

+ Sambung

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| سورة | • | بسم الله | • | أعوذ بالله | (1 |
| // | + | // | + | // | (2 |
| // | + | // | • | // | (3 |
| // | • | // | • | // | (4 |

## 2.2 Bacaan Basmalah antara Dua Surah

Jika seorang qari telah menamatkan akhir surah kemudian hendak menyambung terus bacaan itu, maka para ulama' Al Qur'ān telah membahagikan bacaan kepada tiga keadaan yang berikut :-

i ) Berhenti di setiap langkah (قطع الكل).

Iaitu qari menamatkan surah pertama dengan wakaf, kemudian membaca Basmalah dengan Wakaf dan kemudian membaca surah kedua.

ii ) Bacaan tanpa henti (وصل الكل).

Qari menamat surah pertama dan meyambung dengan Basmalah dan surah kedua.

iii) Bacaan Basmalah disambung dengan surah(وصل الجملة بأول السورة.)

menamatkan surah pertama dengan wakaf, kemudian membaca Basmalah dan disambung dengan surah yang kedua.

Ringkasan Contoh:

(i)

ومن شر حاسد إذا حسد (وقف)

بسم الله الرحمن الرحيم (وقف)

قل أعوذ برب الناس .

(ii)

ومن شر حاسد إذا حسد (وصل)

بسم الله الرحمن الرحيم (وصل)

قل أعوذ برب الناس ...

(iii)

ومن شر حاسد إذا حسد (وقف)

بسم الله الرحمن الرحيم (وصل)

قل أعوذ برب الناس

Tidak diharuskan menyambung akhir surah pertama dengan Basmalah lalu berhenti padanya, kemudian baru memulakan surah kedua . Kerana bacaan begini boleh menimbulkan kekeliruan bahawa Basmalah itu adalah daripada akhir surah contohnya:

ومن شر حاسد إذا حسد (وصل) بسم الله

الرحمن الرحيم (وقف) قل أعوذ برب الناس ،

Semua Qurrā' sepuluh bersependapat tidak membaca Basmalah antara akhir Surah Al Anfāl dengan permulaan surah Al-Taubah (Barā'ah) . Maka bacaan boleh dibuat dengan salah satu keadaan berikut.

i ) Wakaf di akhir surah Al-Anfāl, kemudian menggabung dengan permulaan surah Al-Taubah.

ii ) Saktah di akhir surah Al Anfāl.

iii) Menyambung akhir surah Al Anfal dengan permulaan surah Al-Taubah dengan أعوذ بالله sahaja atau tanpa membacanya.

Warash mengharuskan bacaan Basmalah di antara dua surah selain daripada antara surah Anfāl dan Taubah dengan salah satu tiga cara. (155)

i ) Boleh membaca Basmalah

ii ) Wasal surah dengan surah tanpa Basmalah dan Saktah.

iii) Wasal surah dengan surah dengan saktah tanpa Basmalah.

---

155) Lihat Haq Al Tilāwah m.s 100 dan Hidāyat Almurid Ila Riwayat Abī Saīd m.s 4.

Abū ᶜAmr pula membaca di antara dua surah dengan saktah pada semua surah di dalam Al-Qur'ān dan membaca Basmalah di antara surah pada surah-surah berikut : (156)

( i) Al-muddaththir dan Al Qiāmat .

( ii) Al-Infiṭār dan Al Muṭaffifīn .

(iii) Al Fajr dan Al Balad .

( iv) Al ᶜAṣr dan Al Humazah .

Warash dan Abū ᶜAmr menyambung terus di antara dua surah tanpa Basmalah , dan saktah , di antara surah surah itu ialah:

i ) Al Anfāl dengan Barā'ah

ii) Al Aḥqāf dengan surah Muhammad

iii) Al Qamar dengan surah Al Ḥadīd

iv) Al Fil dengan surah Quraīsh

---

) Lihat kitab Al tadhkirah Fī Al Qirā'āt Jilid I M.S 84.

## AL KEEMPAT : BEBERAPA CONTOH DARI SURAH-SURAH YANG PENDEK MENGIKUT BACAAN "QIRAˀAT ASSABAH"

### RTAMA : SURAH AL-FĀTIḤAH

Ayat tiga (3) dan empat (4) jika diwasal

( مَٰلِكِ يَوْمِ الدِّينِ    الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ )

Terdapat dua tempat khilaf di dalam ayat-ayat diatas.

1.1 Al Susi ⁷ membaca dengan 'Idgham Kabīr' . (157)

( الرحمن الرحيم مٰلك )

Kadar yang dibenarkan ketika membaca wasalnya ialah dua harakat atau empat atau enam harakat . Bacaan harakat pada keadaan itu seeloknya diselaraskan yakni pilih salah satu wajah madnya.

Cara tilawahnya:-

Arrahmānirrahim 2/4/6 malikiyaumiddīn.
(Mad)

1.2 Para Qurra' lain membaca dengan 'Iẓhār'.

Cara tilawahnya :-

Arrahmānirrahīmi malikiyaumiddīn .

---

7) Makna dari segi bahasa ialah: Memasukkan kepada sesuatu Makna dari segi istilah ialah penyebutan dua huruf yang sama menjadi satu seolah-olah huruf kedua itu adalah 'tashdid', dengan syarat kedua huruf itu berbaris ( الرحمن الرحيم )

Lihat: Ab.Fattah Al-Qaḍi, ALWAFI LISYARH ASHSHATIBI. MESR : Sharikat Maktabah Wa Matbaah Mustafa AL-BAB AL HALABIYY M.S 53

( مٰلِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ )

Khilaf bacaan adalah pada kalimat ( مٰلك ) iaitu :

2.1 AL-'ASIM dan AL-KISAIYY membaca dengan mengisbatnya 'Alif' selepas 'Mim' ( مَالِكِ ). Kadar 'Madnya', 'Mad asli' yakni satu 'Alif' atau dua harakat.

Cara sebutannya:-

**Mālikiyaumiddin**

2.2 Para Qurra' lain membaca dengan meletakkan baris atas di atas huruf 'Mim' ( مٰلِكِ ).

( اِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ ).

Khilaf bacaan pada kalimat ( الصراط ) iaitu :

3.1 Qambul, membaca dengan huruf 'Siin' ( س ) menggantikan huruf 'Ṣad' ( ص ). (158)

3.2 Hamzah membaca dengan 'Ishmām' ( إشمام ) (159) iaitu menyerupai huruf 'Zai' ( زاي ) pada huruf 'Ṣad' ( صاد )

3.2 Para Qurra' lain membaca dengan huruf 'Ṣad'. Demikian juga dengan kalimat ( صراط ) pada ayat ketujuh. Kecuali 'Khallad' ( خلّاد ) (160) membaca dengan huruf 'Ṣad' tanpa 'Ishamām'.

---

158) Semua kalimat 'Al-ṣirāt ( الصراط ) atau 'Ṣirāt' ( صراط ) yang terdapat di dalam Al-Qurān dibaca dengan huruf 'Siin' ( س ) oleh Qambul.

159) Maka Ishmām ( إشمام ) ialah memuncungkan dua bibir, menyerupai ishārat yang menunjukkan kepada Dammah : Lihat Husain Syeikh Othman, Haqq Al-Tilawah ( حق التلاوة ) m.s 10.

Bila Ishmām dengan sebutan huruf Zai bermaksud percampuran sebutan diantara Ṣad dengan Zai yang melahirkan satu bunyi Zai melebihi Ṣad.

160) Imam Hamzah mempunyai dua periwayat qirā'atnya iaitu Khalaf خلف dan Khallad خلاد .

( أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم ولا الضالين .

Khilaf bacaan adalah pada gantinama 'Mim Jamie' ( ميم جمع ).

4.1 Qalun membaca dengan dua wajah :-

4.1.1 Sukun ' Mim Jamie ' (Alaihim) ( عليهم ).

4.1.2 Ṣilah ' Mim Jamie ' (Alaihimu) ( عليهمو ).

4.2 Ibn Ka... membaca dengan ṣilah ' Mim Jamie ' pada kalimat ( عليهمو ) (Alaihimu). (161)

4.3 Hamzah membaca dengan ' Ḍammah ' huruf Ha' , iaitu 'Alaihum' ( عليهم ).

4.4 Para Qurra' lain membaca dengan sukun ' Alaihim ' ( عليهم ).

## ...EDUA : SURAH AN-NAS

. Ayat 1 ( قل أعوذ برب الناس )

Terdapat dua tempat khilaf di dalam ayat di atas.

1.1 Sakin Mafṣul

Iaitu pada ( ساكن مفصول ) . Khilaf bacaan adalah disegi bacaan saktah , Naqal dan Taḥqiq.

**1.2 Warash membaca dengan 'Naqal' ( نقل ) :**

Iaitu memindahkan barisan huruf ' Hamzah ' ( ء ) kepada huruf ' Lam ' yang sakin.

Cara membacanya :-

'Qul audhubirabbinNas' ( قُلَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ )

---

161) Iaitu membariskan 'Mim Jamie' yang selepasnya huruf berbaris ( samada Fatḥah, Ḍammah ataupun Kasrah ) dengan kadar panjangnya dua harakat.

1.3 **Khalaf, rawi Qira'at Imam Hamzah :**

Membaca secara 'Saktah' ( سَكْتَة ).

Cara membacanya :

' Qul ( سَكْتَة ) ᶜaudhubirabbinnas '

( قُلْ س أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ).

1.4 Para Qari lain membaca secara taḥqiq :

Cara bacaannya :-

' Qul ᶜaudhubirabbinnas '

( قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ).

1.5 Imam Abu ᶜAmr membaca dengan '**Imalah Kubra**' pada semua kalimat ' Annas ' ( النَّاسِ ) yang berbaris 'Kasra'' di dalam surah ' Al-Nas '.

Cara bacaannya :-

'Annes' ( النَّاسِ )

:ETIGA : SURAH AL-FALAQ.

. Ayat satu (1)

( قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ )

1.1 Sakin Mafsul.

Iaitu pada ( سَاكِنْ مَفْصُول ). Khilaf bacaan adalah dari segi bacaan 'Saktah', 'Naqal' dan 'Taḥqiq', sebagaimana yang terdapat di dalam ' Surah Al-Nas '

. Ayat tiga (3) dan empat (4)

( غَاسِقٍ إِذَا )

( حَاسِدٍ إِذَا )

2.1 Warasy membacanya dengan memindahkan baris Hamzah kepada ' Nun Sakinah '.

Cara membaca :-

' Ghāsiqinidhaawaqab '

( غَاسِقِنِذَا وَقَبْ )

' Haasidinidhaahasad '

( حَاسِدِنِذَا حَسَدْ )

2.2 Khalaf perawi qirā'at Imām Hamzah membaca dengan ' Saktah ' . Cara memebacanya:-

' Ghaasikin (saktah) idhaawaqab '

' Haasidin (saktah) idhaahasad '

.3 Para qari yang lain membaca dengan Tahqiq.

EEMPAT : SURAH AL-IKHLĀS

. Ayat empat (4) ( وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ )

Terdapat dua tempat khilaf dalam ayat di atas.

1.1 ( كُفُوًا )

1.1.1 Hafas membacanya dengan mengisbatkan huruf Wau selepas huruf Fā' iaitu 'Kufuwan' ( كُفُوًا ).

1.1.2 Para Qurra' lain membaca dengan mengisbatkan huruf ' Hamzah ' selepas huruf Fā'.

Cara tilawahnya :-

' Kufuan ' ( كُفُؤًا ).

1.1.3 Manakala Imam Hamzah membaca dengan sukun huruf Fā'. Cara tilawahnya :

' Kuf an ' ( كُفْأً ).

2. ( كُفُوًا أَحَدٌ ).

2.1 Hafas membaca ' Kufuwan ahad ' ( كُفُوًا أَحَدٌ ).

2.2 Warash membaca membaca dengan ' Naqal harakah hamzah ' huruf sebelumnya menjadi 'Kufuạ nahad' ( كُفُؤَنَحَدٌ )

2.3 Hamzah menurut khalaf membaca dengan ' saktah ' . Cara tilawahnya : ' Kuf an ahad ' ( كُفْأً س أَحَدٌ ).

2.4 Para qari yang lain membaca dengan ' kufuan ahad ' ( كُفُؤًا أَحَدٌ ). (162)

---

(162) Lihat Tahqiq Hamzah Hakimi, Al-Mabsut Fi Al-Qira'at Al-Ashr. M.S 477.

# ISTILAH TANDA BACAAN AL-QUR'AN RASM 'UTHMANI

Sebanyak lima belas istilah tanda bacaan Al-Qur'an Rasm 'Uthmani yang berikut mesti diambil perhatian bagi setiap pembaca Al-Qur'an Rasm 'Uthmani.

**1. Tanda Bulat Kecil ( ۟ )**

Tanda ini hanya terletak di atas huruf 'illah (Jemah) iaitu huruf alif ( ا۟ ), wau ( و۟ ), dan ya' ( ي۟ ).[51] Ia menunjukkan huruf yang berkenaan adalah huruf tambahan, tidak dibaca sebagai huruf mad walaupun pada ketika menyambung atau berhenti bacaan padanya.

Contoh: أُو۟لَٰٓئِكَ • أُو۟لُوا۟ • نَبَؤُا۟ • لِشَا۟ىْءٍ • لَأَا۟ذْبَحَنَّهُۥٓ • ٱلْمَلَؤُا۟ • مِا۟ئَةٌ

بِأَيْي۟دٍ • مَلَإِي۟هِۦ • مِن نَّبَإِي۟ ٱلْمُرْسَلِينَ • أَفَإِي۟ن مَّاتَ • سَأُو۟رِيكُمْ •

**2. Tanda Bersambung ( ٱ )**

Tanda ini hanya terletak di atas huruf alif ( ٱ ), ia dinamakan Hamzah Bersambung (Hamzatul Wasl همزة الوصل ), ia hanya wujud di awal kalimah dan dihazafkan (ditinggalkan / ditiadakan) dari bacaan pada ketika pembacaannya disambung dengan huruf sebelumnya.

Contoh: ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ • وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ • ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ • وَٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ

**3. Bulatan Bujur Meninggi ( ۠ )**

Tanda ini hanya terletak di atas huruf alif ( ا۠ ), sebagai huruf terakhir pada kalimah jika huruf yang berikutnya berbaris. Ia menunjukkan huruf yang berkenaan adalah huruf tambahan yang dihazafkan dari bacaan, tidak dibaca sebagai huruf mad, pada ketika pembacaannya disambung dengan huruf yang berikutnya. Dan dibaca huruf mad pada ketika berhenti bacaan padanya. Hanya terdapat enam kalimah yang bertanda Bulatan Bujur Meninggi dalam Al-Qur'an Rasm 'Uthmani.

Contoh:[52] ٱلسَّبِيلَا۠ رَبَّنَآ • ٱلرَّسُولَا۠ وَقَالُوا۟ • ٱلظُّنُونَا۠ هُنَالِكَ • لَّٰكِنَّا۠ هُوَ ٱللَّهُ رَبِّى

---

51. Ketiga tiga huruf ini juga dinamakan Huruf Mad, apabila tidak terdapat apa-apa tanda di atasnya.
52. Terdapat pada surah Al-Kahf: 38, Al-Ahzab: 10, 66, 67, Al-Insan: 15 dan kalimah أَنَا۠ banyak kali berulang dalam Al-Qur'an Al-Karim.

. قَالَ أَنَا يُوسُفُ • كَانَتْ قَوَارِيرَا قَوَارِيرَا •

Jika huruf yang berikutnya hamzah bersambung, maka tanda tersebut tidak diletak di atas huruf alif supaya tidak menimbul kesangsian kekekalannya pada ketika menyambung bacaannya, tetapi cara bacaannya serupa seperti yang disebutkan tadi.

Contoh: . أَنَا الْغَفُورُ الرَّحِيمُ • وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ • أَنَا النَّذِيرُ الْمُبِينُ

**4. Tanda Kepala Huruf Kha' ( خ ) Tanpa Titik ( ۡ )**

Tanda ini terletak di atas mana-mana satu huruf untuk menunjukkan huruf yang berkenaan bertanda sukun atau mati, bunyi bacaannya dibaca secara Izhar dengan menyatakan makhraj huruf yang berkenaan.

Contoh: . أَلَمْ نَشْرَحْ • أَذْكُرْكُمْ • وَمَنْ أَحْسَنُ • فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ

**5. Huruf Yang Tidak Bertanda Sukun**

Jika terdapat *huruf yang tidak bertanda sukun*[53] dan huruf berikutnya bersabdu, maka *huruf yang tidak bertanda sukun* diidghamkan kepada huruf berikutnya dengan cara Idgham Kamil (Memasukkan Secara Sempurna) tidak berdengung.

Contoh: • مِن لَّدُنْهُ • أَيْنَمَا يُوَجِّههُّ • لَقَد تَّقَطَّعَ • إِذ ظَّلَمْتُمْ • يَلْهَث ذَّٰلِكَ

. أَثْقَلَت دَّعَوَا • وَقَالَت طَّائِفَةٌ • وَاذْكُر رَّبَّكَ • بَل رَّبُّكُمْ • مِن رَّبِّكُمْ

Kalimah أَلَمْ نَخْلُقكُّم (terdapat dalam surah Al-Mursalat ayat 20) lebih diutamakan mempunyai dua wajah bacaan, iaitu Idgham Kamil dan Idgham Naqis.

Jika *huruf yang tidak bertanda sukun* diikuti huruf yang tidak bersabdu, maka ia diidghamkan kepada huruf yang berikutnya dengan cara Idgham Naqis (Memasukkan Secara Tidak Sempurna) berdengung, contoh: مِن وَاقٍ • أَن يَأْمَنُوكُمْ atau tidak berdengung, contoh: بَسَطتَ • أَحَطتُ • فَرَّطتُمْ atau Ikhfa' iaitu tidaklah ia diizharkan hingga menyatakan makhrajnya (seperti Izhar) dan tidaklah ia diidghamkan hingga menjadikannya seperti huruf yang berikutnya (seperti Idgham), tetapi ia di antara Izhar dan Idgham serta bersifat dengung.

Contoh: . مِن قَبْلُ إِن كُنتُمْ • قَدْ جَاءَكُم بَصَائِرُ • لِأُنذِرَكُم بِهِ

53. Hurufnya tetap sedia bertanda sukun, kerana ia mempunyai hukum bacaan selain Izhar iaitu Idgham Kamil, Idgham Naqis dan Ikhfa', maka tanda sukun tidak ditulis di atasnya, jadi huruf yang berkenaan tidak mempunyai apa-apa tanda bacaan.

### 6. Huruf Mim Kecil ( ۢ )

Huruf ini menggantikan baris yang kedua bagi tanda baris dua ( ـًۢ ـٍۢ ـٌۢ ) atau terletak di atas huruf nun sukun ( نۢ ) sebagai pengganti tanda sukunnya, jika huruf yang berikutnya ialah ba' ( ب ) yang tidak bersabdu. Ia menunjukkan pertukaran tanwin atau nun kepada mim ( ۢ ) yang dinamakan Iqlab dalam Ilmu Tajwid. Untuk perhatian perbezaan mim ( ۢ ) ini dengan mim ( ۘ ) tanda berhenti.

Contoh: عَلِيمٌۢ بِالْمُتَّقِينَ • كِرَامٍۢ بَرَرَةٍ • وَبَرًّۢا بِوَالِدَيْهِ • وَمَنۢ بَلَغَ • أَنۢبِئُوا .

### 7. Tanda Tanwin

Tanda baris dua (tanwin) seperti ـٍ ـً yang bersamaan barisnya dan baris dua hadapan yang diterbalikkan tanda keduanya (ـٌ) menunjukkan bacaan tanwin ini diizharkan. Kedudukannya seperti *huruf yang bertanda sukun*. Contoh: سَلَٰمٌ هِيَ •
عَزِيزٌ حَكِيمٌ • كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ • لَطِيفًا خَبِيرًا .

Jika tanda baris dua ini bertemu dengan huruf hamzah bersambung ( ٱ ) dan selepasnya huruf bertanda sukun atau sabdu dalam keadaan bacaan bersambung, maka tanda baris dua dibaca baris satu mengikut keadaan baris tanwin; Atas, bawah atau hadapan, kemudian diikuti dengan bacaan huruf nun ( نِ ) berbaris bawah yang menggantikan baris yang kedua bagi tanwin, supaya dapat menyambung bacaan dan tidak terkumpul dua huruf yang bertanda sukun. Contoh:

خَيْرٌ ٱطْمَأَنَّ بِهِۦ dibaca خَيْرُنِ ٱطْمَأَنَّ بِهِۦ , أَحَدٌ ٱللَّهُ dibaca أَحَدُنِ ٱللَّهُ .

بِغُلَٰمٍ ٱسْمُهُۥ dibaca بِغُلَٰمِنِ ٱسْمُهُۥ , بِزِينَةٍ ٱلْكَوَاكِبِ dibaca بِزِينَةِنِ ٱلْكَوَاكِبِ .

جَزَآءً ٱلْحُسْنَىٰ dibaca جَزَآءَنِ ٱلْحُسْنَىٰ , أَوْ لَهْوًا ٱنفَضُّوٓا dibaca أَوْ لَهْوَنِ ٱنفَضُّوٓا .

Ini adalah kaedah bacaan Riwayat Hafs dan bertepatan dengan Nahu Bahasa Arab, nun ( نِ ) ini tidak boleh ditulis dalam Al-Qur'an Rasm 'Uthmani. Bacaan sedemikian ini dinamakan *Melepaskan Dua Huruf Yang Bertanda Sukun.*

Apabila tanda baris dua yang bawah menyimpang (tidak berselari) dari baris yang di atas, seperti ـً ـٍ dan baris dua hadapan berbentuk dua huruf wau kecil berturut-turut (ـٌ) dan diikuti dengan *huruf bertanda sabdu*, ia menunjukkan Idgham Ma'al Ghunnah. Contoh: صِدِّيقًا نَّبِيًّا • يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ • طَلْعٌ نَّضِيدٌ • وَطَلْحٍ مَّنضُودٍ •
أَوَّٰهٌ مُّنِيبٌ • هَنِيٓـًٔا مَّرِيٓـًٔا atau Idgham Kamil. Contoh: رَجُلٌ رَّشِيدٌ • حَرْثٌ لَّكُمْ .

# PENUTUP

## ISAN DAN CADANGAN

### ısan

Ilmu qiraat bukanlah merupakan suatu ilmu yang baru an ianya merupakan suatu ilmu yang sememangnya telah ıd sejak zaman Rasulullah S.A.W lagi , cuma ianya tiada ı yang khusus , oleh itu ia diperkenalkan oleh sebahagian ır ulama' dengan nama **'Ilmu Qira at'**

Sebenarnya , kalau diteliti ' Ilmu Qira at ' ini begitu :ait rapat dengan 'Ilmu Tajwid' yang sewajibnya dipelajari ı semua orang yang membaca Al-Quran , samada dari segi ·i atau praktikalnya . Oleh yang demikian menurut ' Jumhur ıa ' , adalah lebih manfaat dan berkesan di dalam mem ıjari dan mengetahui ' Ilmu Qira at' ini setelah seseorang mahir di dalam 'Ilmu Tajwid'.

Mengikut riwayat , para Qurra ' ini adalah terdiri pada golongan mereka yang 'Muttaqin' dan sentiasa tunduk ıda Allah S.W.T dan lebih mementingkan kehidupan akhirat ıpada kehidupan dunia.

Di samping itu , mereka begitu bersungguh-sungguh di am menuntut ilmu dan sentiasa berusaha mencari keredaan ah S.W.T dan keberkatan daripadanya , di dalam ilmu yang elajarinya itu . Tidak sekali-kali terbit daripada hati ubari mereka sendiri di dalam mencari ilmu ini adalah uan selain daripada Allah S.W.T lebih-lebih lagi ilmu yang ib kepada penyebaran mengenai **'Kalamullah'**

## IRANAN

Oleh kerana ' Ilmu Qirā'at ' berhubung rapat dengan ' Ilmu Tajwid ' dan juga 'Ilmu Lahjāt' yang terbit daripada mulut Nabi S.A.W sendiri yang dikenali sebagai ' Ilmu Warisan Muslimīn ' . Maka amatlah wajar bagi mereka yang ingin mempelajarinya secara shumul ( sempurna ) bermushafahah dengan mana-mana guru yang mahir , tujuannya adalah untuk menjaga keaslian dan struktur ayat daripada al-lahn (kesilapan).

Kekhilafan sebutan ' Lahjat ' Al-Qur'an di kalangan Qurrā' sebenarnya hanya dapat dipelajari secara teori dan praktikal melalui pembentangan dan ' talaqqi ' di hadapan guru yang bertauliah serta mahir dalam bidang tersebut , ianya tidak boleh hanya semata-mata dengan pembacaan sahaja kerana di dalamnya terdapat beberapa istilah yang perlu kepada penjelasan yang terperinci daripada orang yang mahir dalam ilmu ini.

Kelas kemahiran Al-Qur'an telah diperkenalkan oleh'Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran' sejak tahun lapan puluhan sampailah kini di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (S.M.K.A).

Di antara sukatan pengajiannya ialah ' Ilmu Qirā'at Tujuh'. Pendedahan ilmu ini masih lagi menghadapi beberapa masalah di dalam penyampaiannya , terutama masalah tenaga pengajar yang profesional dalam bidang pengajian ini.

Oleh itu , penulis mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya memperbanyakkan lagi kursus-kursus di dalam bidang ini secara intensif kepada guru-guru yang mengajar Al-Qurān.

4. Pendedahan pengajian kelas kemahiran Al-Qurān di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (S.M.K.A) adalah agak menggalakkan , khususnya bagi pelajar yang berminat , di mana kelas pengajian ini diadakan sebanyak sekali seminggu bermula dari pukul 3.50 petang hingga 4.50 petang , di mana ia nya dijadikan sebagai salah satu daripada aktiviti ko kurikulum.

Berdasarkan kepada pengamatan penulis , kajian serta penelitian semula terhadap sukatan pengajaran adalah perlu bagi meningkatkan lagi mutu pengajiannya.Di antara perkara yang dirasakan perlu diteliti semula ialah pembahagian masa pengajiannya , kaedah penyampaiannya dan sebagainya. Ini kerana , dirasakan terdapat beberapa kelemahan dari pihak yang memberi dan menerima ilmu ini.

5. Pengajian 'Ilmu Tajwīd' dan 'Ilmu Qirā'at' sepatutnya dipelajari oleh semua pelajar islam di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan juga alirannya . Tujuannya adalah untuk menyemai benih 'Roh Generasi Al-Qurān' di dalam hati mereka.

6. Untuk menggalakkan para pelajar menghayati Al-Qur'an dengan sebenar-benarnya, maka perlu bagi pihak kerajaan bertindak dengan seberapa segera , dengan memasukkan mata pelajaran tersebut di dalam mana-mana peperiksaan kerajaan seperti PMR, SPM dan STPM.

7. Kami guru-guru kemahiran melaksanakan kelas pengajian ini di atas usaha gigih kami sendiri tanpa bayaran dan ganjaran dari pihak yang berkenaan . Oleh itu penulis mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya membuat pertimbangan demi untuk meningkatkan mutu pengajiannya dari semasa ke semasa.